

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Ucapan: 23/03/2020

Pelantikan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi



PELANTIKAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

Tahniah dan syabas atas pelantikan **YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek** sebagai **Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi** berkuatkuasa pada **23 Mac 2020**.

YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek, 56 tahun berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Matematik dan Ijazah Sarjana Sains Statistik daripada Universiti Minnesota, Amerika Syarikat. Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 28 tahun sejak mula menyertai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 1 Oktober 1992.

Beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengurusan sumber manusia, penyelidikan dan dasar menerusi karier perkhidmatan beliau antaranya sebagai Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan sebelum itu sebagai Ketua Pengarah ESSCOM, Jabatan Perdana Menteri.

Semoga dengan pelantikan ini beliau dapat melahirkan lebih ramai usahawan dan koperasi yang berkredibiliti serta mampu bersaing di pasaran global dan mewujudkan ekosistem keusahawanan dan koperasi yang holistik dalam menyokong agenda pembangunan negara yang inklusif, berdaya maju dan mampan.

DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI
23 Mac 2020
28 Rejab 1441

Hakcipta Terpelihara © 2018 Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my/media/releases/15>